

AL-HIKMAH

Jilid	16	ISSN 1985-6822	2024M
No.	2		1446H

- SOROTAN KARYA BERSISTEMATIK PENDEKATAN PSIKOTERAPI SPIRITUAL ISLAM TERHADAP PENAGIH DADAH YANG MENGALAMI MASALAH SKIZOFRENIA ... 1-25
Hielda Noviyanty, Abu Dardaa Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah & Zainab Ismail
- PENDEKATAN KAUNSELING ISLAM DALAM MEMPERKASA KESEJAHTERAAN EMOSI MAHASISWA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM DI MALAYSIA ... 26-49
Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan, Siti Mursyidah Mohd Zin, Nurhanisah Senin, Dharatun Nisa Puad Mohd Kari @ Fuad Mohd Karim
- PEMBINAAN WATAK DAN PERWATAKAN DALAM KARYA SASTERA BERTERASKAN AL-QURAN: ANALISIS KISAH NABI YUSUF ... 50-72
Syafawati bt. Salihan, Monika@Munirah Abd Razzak, Norrozoh binti Hj. Siren
- THE ROLE OF WAQF IN RESPONSE TO THE CHALLENGES OF PEACE AND YOUTH EMPOWERMENT IN YOBE STATE, NIGERIA ... 73-93
Ibrahim Dahiru Idriss, Adibah Abdul Rahim, Ismail Mamat
- A REVIEW ON THE INTEGRATED ISLAM AND SCIENCE TEACHING MODEL IN MALAYSIA ...94-116
Zaim Zamri, Norshariani Abd Rahman, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Zetty Nurzuliana Rashed, Norfariza Binti Mohd Radzi, Ab Halim Tamuri, Ahmad Ashrif A Bakar
- PEMIKIRAN KASSIM AHMAD MENGENAI HADIS DAN FAKTOR-FAKTOR PENOLAKAN KEPADA AUTORITINYA ...117-140
Izwan Mohd Ali & Aminudin Basir@Ahmad
- KEY FACTORS INFLUENCING THE SUCCESS OF AI-QURAN MEMORIZATION AMONG TAHFIZ STUDENTS ...141-155
Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi, Nik Ahmad Mumtaz Nik Din, Mohammad Ibrahim Md Khalis, Haizuran Mohd Jani & Muhamad Razif Ahmad
- PEMIKIRAN DAN PENDEKATAN DAKWAH ABDULLAH MUNSIFY DALAM HIKAYAT ABDULLAH ...156-175
Azman Yusof & Anisah Bahyah Hj Ahmad
- مكانة المرأة ودورها في رؤية الطريقة العلية القادرية الكسنزانية... 176-199
Qais H. A. Abuyounis, Muhamad Faisal Bin Ashaari, Mohamad Zulkifli Bin Abdul Ghani, Abu Dardaa Bin Mohamad

Sorotan Karya Bersistematik Pendekatan Psikoterapi Spiritual Islam Terhadap Penagih Dadah Yang Mengalami Masalah Skizofrenia

A Systematic Review of Islamic Spiritual Psychotherapy Approach to Drug Addicts with Schizophrenia

HIELDA NOVIYANTY, ABU DARDAA MOHAMAD, SALASIAH HANIN
HAMJAH & ZAINAB ISMAIL

ABSTRAK

Kesihatan mental mempengaruhi cara seseorang berfikir, bertindak dan berinteraksi dengan orang lain. Kesihatan mental yang baik akan memberi kesan positif kepada kesejahteraan hidup seseorang. Namun pada masa kini, masalah kesihatan mental semakin meningkat yang disebabkan oleh pelbagai faktor internal atau external. Kajian ini fokus kepada pendekatan psikoterapi spiritual terhadap penagih dadah yang mengalami masalah skizofrenia. Intervensi yang bersifat mengubati dan mencegah penagih dadah daripada gangguan skizofrenia masih belum mencapai tahap maksimum. Justeru itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui pendekatan psikoterapi spiritual yang paling berkesan bagi pemulihan masalah kesihatan mental skizofrenia di kalangan penagih dadah. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Data diperolehi menerusi kajian-kajian lepas secara rawak daripada pangkalan data Google Scholar dan Scopus. Hasil kajian mendapati bahawa jenis rawatan psikoterapi spiritual yang paling banyak memberi kesan positif kepada pesakit skizofrenia dalam kalangan penagih dadah iaitu zikir, mendengar ayat al-Quran, dan membaca ayat al-Quran. Kajian ini menggambarkan kepentingan pendekatan spiritual atau holistik dalam proses rawatan masalah mental skizofrenia. Kajian ini mencadangkan perlu kajian lanjutan untuk menghasilkan satu model pencegahan dan intervensi skizofrenia sehingga memberi kesan kepada kesejahteraan spiritual pesakit.

Kata kunci: Terapi jiwa, gangguan mental, pemulihan, halusinasi, delusi.

ABSTRACT

Mental health affects how individuals think, act, and interact with others. Good mental health contributes positively to one's overall well-being. However, in recent times, mental health issues have been on the rise due to various internal and external factors. This study focuses on spiritual psychotherapy approaches for drug addicts

experiencing schizophrenia. Interventions aimed at treating and preventing schizophrenia among drug addicts have not yet reached their full potential. Therefore, this study aims to identify the most effective spiritual psychotherapy approach for the recovery of mental health issues related to schizophrenia among drug addicts. The study employs qualitative research methods with a content analysis design. Data were obtained through previous studies randomly selected from Google Scholar and Scopus databases. The findings reveal that the most effective spiritual psychotherapy treatments for schizophrenia among drug addicts are zikir, listening to Quranic verses, and reading Quranic verses. This study highlights the importance of a spiritual or holistic approach in treating schizophrenia. It also recommends further research to develop a comprehensive model for the prevention and intervention of schizophrenia, which would positively impact the spiritual well-being of patients.

Keywords: *Soul therapy, mental disorder, recovery, hallucination, delusion.*

Diterima: 13 Ogos 2024
Diterima akhir: 10 Disember 2024

Disemak semula: 22 Oktober 2024
Diterbitkan: 31 Disember 2024

PENDAHULUAN

Perkembangan dunia moden telah memberi kesan signifikan terhadap kesihatan manusia, khususnya kesihatan mental. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2019, seramai 970 juta orang di seluruh dunia mengalami masalah kesihatan mental, seperti gangguan keseimbangan dan kemurungan. Jumlah ini meningkat dengan ketara pada tahun 2020 disebabkan oleh pandemik Covid-19 (WHO, 2022). Di Amerika Syarikat, berdasarkan laporan *Substance Abuse and Mental Health Services Administration* (SAMHSA, 2024), peningkatan sebanyak 23% dalam masalah kesihatan mental dicatatkan sehingga tahun 2023, menjadikan jumlah tersebut mendekati 60 juta orang. Secara umumnya, masalah kesihatan mental paling ketara berlaku di negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana. Menurut Ha et al. (2022) jurang antara rawatan kesihatan mental yang disediakan dengan jumlah individu yang memerlukan penjagaan adalah lebih besar di negara berpendapatan rendah berbanding negara berpendapatan tinggi. Keadaan ini menyebabkan negara berpendapatan rendah terjejas secara ketara oleh masalah kesihatan mental. Akses yang terhad kepada rawatan kesihatan mental di negara-negara ini bukan sahaja menimbulkan masalah kos rawatan yang semakin tinggi pada peringkat individu, malah turut menyebabkan penurunan produktiviti secara keseluruhan (Walker et al. 2021). Akibatnya, masalah kesihatan mental menjadi isu utama di negara berpendapatan rendah (Alonzo, Popescu & Zubaroglu Ioannides 2022).

Gangguan kesihatan mental adalah manifestasi gangguan spiritual yang kompleks dalam diri individu. Gangguan ini melibatkan pelbagai perasaan dan kesan yang dialami oleh pesakit, termasuk kemurungan, kebimbangan, gangguan bipolar, dan dalam kes yang lebih teruk, skizofrenia. Keadaan ini berpotensi membawa kepada keinginan atau percubaan membunuh diri. Remaja, khususnya, mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mengalami gangguan kesihatan mental, terutamanya kemurungan (O'Beaglaioich et al. 2020; Reinert, Fritze & Nguyen 2021). Menurut data SAMHSA (2020), kira-kira 13.16% remaja telah memikirkan untuk membunuh diri disebabkan oleh gangguan mental, menjadikan keadaan ini cabaran besar kepada negara-negara dalam usaha pencegahan.

Dari segi rawatan, penggunaan ubat-ubatan dalam menangani gangguan kesihatan mental masih belum mencapai kejayaan yang maksimum. Kajian Ortega (2023) menunjukkan bahawa penggunaan antipsikotik dapat membantu dalam rawatan, namun ia juga membawa kesan negatif kepada tubuh badan. Penggunaan jangka panjang ubat ini boleh menyebabkan pesakit bergantung sepenuhnya kepada ubat-ubatan untuk mengelakkan relaps, malah dalam beberapa kes, penggunaan antipsikotik jangka panjang dikaitkan dengan kematian (Jia et al. 2022). Oleh itu, rawatan dengan melibatkan spiritual menjadi pilihan bagi membantu penyembuhan dan pemulihan dalam kalangan pesakit skizofrenia. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan yang lebih memberikan kesan positif dalam rawatan skizofrenia berdasarkan kepada kajian-kajian yang lalu.

KESIHATAN MENTAL

Kesihatan mental merujuk kepada kesedaran seseorang terhadap keupayaannya untuk mengekalkan kesejahteraan diri, berfungsi dengan baik dalam kehidupan harian, dan mencapai kejayaan dalam pelbagai aspek kehidupan. Seseorang dianggap sihat mental apabila mampu mengurus kehidupan sosial dengan sikap positif serta menjalin hubungan yang baik dengan keluarga dan masyarakat (Arango et al. 2018). Di samping itu, kesihatan mental juga merangkumi keupayaan individu untuk mencipta kesejahteraan melalui komunikasi dan interaksi yang berkesan dengan orang lain (Kokanović et al. 2018).

Gangguan kesihatan mental boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, tanpa mengira latar belakang. Namun, selagi seseorang itu dapat mengawal diri dan menjalani kehidupan dengan baik, mereka boleh mengelak daripada mengalami masalah kesihatan mental (Van Nieuw Amerongen-Meeuse et al. 2020). Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada gejala gangguan kesihatan mental, termasuk masalah kewangan, konflik keluarga,

bebanan kerja, dan perceraian (Schaan et al. 2019), Selain itu, pengalaman traumatik seperti jenayah, rogol, penderaan, dan kemalangan juga boleh mencetuskan gangguan mental (Ben Farhat et al. 2018). Satu isu yang semakin membimbangkan dalam konteks kesihatan mental ialah peningkatan kes bunuh diri (Grasdalsmoen et al. 2020). Individu yang mengalami keterukan atau merasa tidak menemui penyelesaian masalah, mereka berani memutuskan untuk melakukan bunuh diri malah memiliki idea untuk membunuh diri menjadi hal yang biasa bagi mere Individu yang mengalami gangguan mental yang teruk mungkin melihat bunuh diri sebagai satu-satunya penyelesaian kepada masalah mereka, dengan idea untuk membunuh diri menjadi semakin biasa dalam pemikiran mereka.

Statistik menunjukkan peningkatan dalam kes bunuh diri, dengan hampir setiap 40 saat, seseorang melakukan bunuh diri, dan kira-kira 20 percubaan bunuh diri berlaku setiap hari (WHO 2019). Fakta ini menunjukkan bahawa pesakit gangguan mental mempunyai risiko yang tinggi untuk melakukan bunuh diri. Namun, keinginan atau tindakan untuk membunuh diri boleh dikawal dengan usaha yang gigih, termasuk melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh membangkitkan perasaan positif. Aktiviti sedemikian membantu individu mengalihkan perhatian daripada pemikiran negatif dan berbahaya, serta mencegah keinginan untuk mencederakan diri sendiri (Teismann et.al 2018). Kajian Siegmann et.al (2018) menunjukkan bahawa perasaan positif dapat membantu individu membina hubungan sosial yang baik, seterusnya menyumbang kepada pemikiran yang lebih positif. Ini mengurangkan risiko mereka untuk berfikir atau bertindak membunuh diri.

Walaupun punca gangguan kesihatan mental tidak selalu dapat dipastikan dengan tepat, terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti sebagai penyebab utama, termasuk faktor luaran dan dalaman (Doran & Kinchin 2019). Secara umum, gangguan kesihatan mental sering dikaitkan dengan faktor ekonomi dan persekitaran, seperti kurangnya kesedaran mengenai kepentingan kesihatan mental dalam masyarakat (Gates et al. 2017). Dalam laporan World Health Organization tahun 2005, kesihatan mental ialah keadaan di mana individu merasakan kesejahteraan (Hermann, Saxena & Moodie 2005). Namun, individu yang mengalami gangguan mental sering menghadapi kecelaruan dalam pemikiran dan emosi (Stepnicki et al. 2018). Kajian Stilo dan Murray (2019) mendapati bahawa faktor genetik boleh menjadi punca skizofrenia, manakala gangguan mental lain lebih cenderung disebabkan oleh faktor sosial dan persekitaran, termasuk tekanan di tempat kerja dan dalam komuniti (Galderisi et al. 2018). Oleh itu adalah penting untuk menyediakan intervensi yang sesuai untuk membantu pemulihan dan rawatan pesakit dengan gangguan kesihatan mental.

MASALAH MENTAL SKIZOFRENIA

Skizofrenia adalah gangguan kesihatan mental yang tergolong dalam kategori psikotik, dicirikan oleh simptom-simptom seperti kekelaruan pemikiran, gangguan emosi, serta perilaku yang tidak sesuai atau tidak wajar (Strik et al. 2018; Suryani 2015). Gangguan ini secara khusus menyerang individu yang mengalami kelemahan dalam kestabilan mental. Individu yang mempunyai kesihatan mental yang lemah sering kali menghadapi gangguan seperti kemurungan dan kebimbangan (*anxiety*), yang boleh mencetuskan kekelaruan pemikiran dalam bentuk delusi dan halusinasi (American Psychiatric Association 2013).

Punca utama skizofrenia telah dikenal pasti melalui pelbagai kajian, dengan faktor genetik dikenal pasti sebagai salah satu penyumbang utama kepada perkembangan gangguan ini (Stilo & Murray 2019). Di samping itu, penggunaan dadah turut dikenal pasti sebagai pencetus kepada delusi dan halusinasi (Menne & Chesworth 2020). Faktor lain termasuk kerosakan saraf akibat pendedahan kepada bahan kimia tertentu (Hattori et al. 2018) serta jangkitan kuman semasa dalam kandungan, yang boleh meningkatkan risiko seseorang menghidap skizofrenia di masa dewasa (Nur Aidaa & Syazwana 2019).


Walaupun skizofrenia mempunyai pelbagai faktor penyebab, tidak semua pesakit mengalami simptom yang serupa. Setiap individu menunjukkan gejala dan episod yang berbeza, bergantung kepada tahap keparahan dan faktor lain. Menurut pakar psikiatri Wahab, et al. (2015) perbezaan tahap skizofrenia dapat dikenal pasti melalui ujian *Positive and Negative Syndrome Scale* (PANSS), iaitu satu instrumen penilaian yang digunakan oleh profesional kesihatan mental untuk menilai gejala positif dan negatif skizofrenia (Kay, Opler & Lindenmayer 1988).

METODOLOGI

Bagi menjalankan kajian ini digunakan kaedah *Systematic Literature Review* dengan menggunakan kaedah PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Review and meta-Analyses*), di mana kajian ini merupakan kajian kualitatif. Ini kerana kajian kualitatif dapat menjelaskan dan menggambarkan satu fenomena secara khusus (Cresswell 2009). Manakala dengan kaedah SLR ini, analisis dilakukan secara sistematik kajian terdahulu untuk dapat mengenal pasti isu-isu berkaitan dengan psikoterapi spiritual terhadap pesakit skizofrenia. Selain itu sumber kajian yang dipilih mengikut kriteria (1) merupakan kajian 5 tahun kebelakangan iaitu 2019 sehingga 2024, (2) berkaitan dengan pendekatan psikoterapi spiritual Islam

dan (3) merupakan kajian klinikal atau teori berkaitan dengan penagihan dadah dan skizofrenia.

Kaedah PRISMA digunakan dalam kajian ini untuk memastikan kajian literatur sistematik dilakukan secara berstruktur, meningkatkan kebolehpercayaan, menyusun data dengan jelas dan mengelakkan bias (Moher et al. 2009). Selain itu, kajian ini menggunakan model PRISMA, yang dilaksanakan melalui tiga tahap iaitu pengenalpastian pada tahap pertama, penyaringan dan kelayakan pada tahap kedua, dan inklusi pada tahap ketiga (Page et al. 2021).



Rajah 1: Model PRISMA

Pengenalpastian

Pada fasa pertama pencarian literatur untuk mengenal pasti dilakukan dengan menggunakan kata kunci yang sesuai dengan fokus kajian. “*spiritual psychotherapy*”, “psikospiritual Islam”, “penagih dadah” dan “skizofrenia” bagi mengumpulkan data. Selain itu pencarian artikel dalam kajian ini menggunakan pangkalan data Google Scholar dan Scopus. Proses carian literatur mengikut kepada pemboleh ubah pendekatan psikoterapi Islam dengan kata kunci “*spiritual psychotherapy*”, “psikospiritual Islam” manakala pada pemboleh ubah penagih dadah yang mengalami skizofrenia menggunakan kata kunci “penagih dadah” dan “skizofrenia”.

Artikel yang dipilih mengikut kajian ini merupakan artikel yang sesuai dengan kriteria iaitu artikel jurnal, tajuk sesuai topik kajian, tempoh masa yang diambil ialah 2019-2024, subjek kajian yang digunakan ialah penagih dadah dewasa yang mengalami masalah skizofrenia. Manakala selain pencarian berdasarkan kata kunci, juga melibatkan penggunaan kata *OR* bertujuan menemukan salah satu kata kunci yang digunakan dan *TITLE-ABS-KEY* bagi mengaitkan antara tajuk, abstrak dan kata kunci. Manakala kata *AND* untuk dapat menemukan semua artikel yang digunakan, namun semakin banyak penggunaan kata *AND* akan mengurangkan jumlah topik pencarian. Ini menunjukkan bahawa penggunaan kata *OR* dan *AND* memberi kesan terhadap hasil pencarian artikel.

Jadual 1: Senarai Kata Kunci Pencarian dan Jumlah Dokumen

Bil	Pangkalan Data	Kata kunci	Jumlah artikel
1.	Scopus	TITTLE-ABS-KEY ((“spiritual psychotherapy” OR “psikospiritual Islam”) AND (“skizofrenia” OR “schizophrenia”) AND (“penagih dadah”)	186
2.	Google Scholar	(“psikoterapi spiritual” OR “spiritual psychotherapy”) AND (“skizofrenia” OR “schizophrenia”) AND (“penagih dadah”)	3.554

SARINGAN DAN KELAYAKAN

Pada fasa kedua ini iaitu fasa saringan di mana pada fasa ini artikel yang telah diperoleh untuk seterusnya disaring bagi mendapati artikel yang sesuai dengan kata kunci yang ditetapkan. Terdapat empat kriteria penyaringan telah diterapkan antaranya (1) artikel tidak lebih daripada 5 tahun kebelakangan iaitu antara tahun 2019 sehingga 2024; (2) artikel lebih kepada bidang sains sosial, psikologi, dan keagamaan (3) psikoterapi merupakan artikel jurnal, artikel kajian empirikal dan kajian lepas. Manakala untuk kelayakan merupakan tindakan penapisan artikel secara manual dengan pembacaan secara penuh. Seterusnya artikel yang mempunyai potensi dengan topik kajian ini diambil dan dinilai untuk dikaji.

Berdasarkan pencarian yang dilakukan menggunakan kata kunci yang ditetapkan dalam kajian ini, sebanyak 3,740 artikel telah dijumpai. Daripada jumlah tersebut, 1,800 artikel telah disisihkan kerana tidak dapat diakses, di mana 1,623 artikel berasal dari Google Scholar dan 177 artikel dari Scopus. Pada peringkat seterusnya, rekod-rekod yang tinggal disaring melalui pangkalan data Google Scholar dan Scopus, yang akhirnya menghasilkan 1,940 artikel. Daripada jumlah ini, 1,905 artikel telah dikeluarkan kerana beberapa faktor, antaranya ialah jenis penerbitan yang bukan jurnal, artikel daripada bidang yang tidak berkaitan seperti Sains Sosial, Kejururawatan, dan Perubatan, tempoh penerbitan antara tahun 2008 hingga 2018, serta jenis kajian klinikal.

Setelah melalui proses penilaian dan perincian tajuk, sebanyak 35 artikel dipilih untuk diteliti dengan lebih mendalam. Bagaimanapun, 19 artikel kemudiannya disisihkan kerana kandungannya tidak relevan dengan masalah mental skizofrenia atau tidak memberi fokus kepada aspek spiritual Islam. Secara keseluruhan, setelah melalui proses pengenalan, penyaringan dan perincian, sebanyak 15 artikel telah dipilih dan digunakan sepenuhnya untuk kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati sebanyak 15 artikel telah dipilih untuk seterusnya dianalisis. Analisis yang didapati boleh dirujuk dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2. Pendekatan psikoterapi spiritual terhadap pesakit skizofrenia

Bil	Penulis /Tahun	Tajuk	Jenis rawatan	Kaedah kajian	Dapatan
1.	Irawati et al. 2023	Religious Practices and Spiritual Well-Being of Schizophrenia: Muslim Perspective	Solat & zikir	Kualitatif deskriptif (n=6 pesakit) (n=2 nurses), temubual mendalam	Amalan solat memberikan ketenangan jiwa melalui penghayatan dan fokus dalam setiap pergerakan dan doa. Zikir membantu menenangkan fikiran, mengurangkan kegelisahan, dan memperbaiki keseimbangan emosi. Kajian menunjukkan bahawa kedua-dua amalan ini berperanan dalam mengurangkan simptom skizofrenia, memperbaiki kualiti hidup, dan meningkatkan daya tahan mental pesakit dalam menghadapi tekanan harian.
2.	Grover et.al. 2021	Religiosity and Spirituality of patients with severe mental disorders	Keagamaan dan spiritualiti	Kuantitatif (n=210) perbandingan menggunakan t-test, Mann-Whitney U = test, Chi-square test, dan ANOVA with post hoc analysis by SPSS (standart	Pesakit dengan tahap skizofrenia yang teruk cenderung kurang terlibat dalam aktiviti keagamaan, lebih kerap menggunakan strategi daya tahan agama yang negatif, memiliki kesejahteraan eksistensi yang lebih

			deviation & frequency)	rendah, serta menunjukkan fokus kawalan kesihatan dalaman yang lebih tinggi
3.	Fahrizal & Reny. 2023	Effect of psycho-religious group therapy on hallucination in schizophrenia	Schizophrenia & zikir	Kuantitatif (n=33) t-test,
				Skor simptom halusinasi menunjukkan penurunan ketara daripada 22.36 kepada 11.03 selepas intervensi zikir dilaksanakan. Terapi zikir yang dijalankan secara berperingkat terbukti berkesan dalam meningkatkan kawalan terhadap halusinasi serta mengurangkan skor gejala halusinasi pendengaran dalam kalangan pesakit skizofrenia yang mengalami halusinasi.
4.	Wahyudi et.al. 2021	The Effectiveness of Spiritual Psychotherapy on Patients with Mental Disorders: Systematic review	Spiritual psychotherapy	Kualitatif (n=15 artikel)
				Kesihatan mental pesakit yang mengalami gangguan mental menunjukkan peningkatan yang positif. Kesimpulannya, terapi rohani terbukti berkesan dalam merawat pesakit dengan gangguan mental, sama ada digunakan sebagai satu-satunya pendekatan rawatan atau digabungkan dengan terapi lain.

5.	Noviyanty et.al. 2024	Spiritual Psychotherapy as an Intervention for Mental Disorders to Reach the Level of Self-Awareness of/amongst Drug Addicts in Selangor, Malaysia	Solat, mandi taubat, tahajud solat taubat, ubat-ubatan dan sokongan sosial	Quantitative (n=100)	Rawatan untuk skizofrenia memerlukan pendekatan yang komprehensif, termasuk gabungan terapi ubat-ubatan serta sokongan sosial yang berterusan. Sokongan daripada aspek sosial memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan keberkesanan rawatan ubat-ubatan, di samping membantu pesakit menyesuaikan diri dalam kehidupan seharian dan mengurangkan risiko berulangnya simptom.
6.	Ibad et.al. 2024	The effect of Qur'anic healing on reducing the frequency of auditory hallucination rating scale (AHRs) in schizophrenia	Qur'anic in Schizo	Quasi experiential design (n=35) wilcoxon test	Hasil penemuan menunjukkan bahawa terapi al-Quran memberikan kesan yang signifikan dalam mengurangkan kekerapan halusinasi pendengaran, dengan nilai p 0.000 (p<0.05). Ini membuktikan bahawa terapi al-Quran berkesan dalam mengurangkan halusinasi pendengaran di kalangan individu yang menghidap skizofrenia.

7.	Haris 2023	The Pyscho-Spiritual Therapy On Mental Illness; An Islamic Approach	Psycho spiritual Therapy	Qualitative (n=3)	Penglibatan dalam psikoterapi spiritual, seperti mandi taubat, dalam konteks kaunseling pemulihan, berperan penting dalam mengurangi kekerapan gejala psikosis serta meningkatkan kesadaran pesakit.
8.	Hafil et.al 2023	The Effectiveness of Islamic Psychotherapy with Zikr Asmaul Husna in Improving the Sleep Quality of Schizophrenic Clients in UPT Rehabilitasi Sosial	Zikir Asmaul Husna	Quasi experiment pre test-post test framework (n=10)	Meningkatkan kualiti tidur dan Menurunkan gejala psikosis dan halusinasi
9.	Rosyanti et al. 2019	Changes in brain-derived neurotrophic factors in schizophrenia patients with spiritual psychoreligious therapy	Belajar dan membaca al qur'an dengan Spiritual Qur'anic and Emotional Freedom Technique (SQEFT) therapy (EEG).	Quantitative (n=7) Experimental study, pre test dan post test	Terdapat peningkatan yang ketara dalam paras faktor neurotropik yang berasal dari otak serum selepas terapi, sehingga menurunkan kekerapan gejala psikosis
10.	Ardinata et.al. 2019	Kepatuhan minum ubat pesakit skizofrenia melalui terapi	Islamic spiritual seperti taubat, solat, zikir, tawakal	Quantitative a quasy-experimental (pre test-post test)	taubat, muhasabah, solat, tawakal, zikr meningkatkan kepatuhan pesakit dalam menjalankan pengubatan ataupun

		mindfulness spiritual Islam			rawatan bagi menurunkan gejala psikosis.
11.	Gani et.al. 2022	Cultural based intervention for psychotic using spiritual therapy in Madura, Indonesia: a case report	Murotal, hydrotherapy (air doa), mandi taubat.	Qualitative deskriptif	solat 5 waktu, puasa, sedekah, doa yang dianjurkan, membaca al-Quran, memaafkan sesama, akan menurunkan kekerapan dan gejala psikosis
12.	Firdaus et.al. 2021	Metode Rehabilitasi Spiritual Hypnosis Motivation Therapy pada Pasien Skizofrenia di Ponpes Nurul Firdaus Ciamis	Spiritual Hypnosis dengan salat wajib, mandi malam, dikir, doa, membaca Quran, salah tahajud, hajat, duha, tawasul, dan rukyah. Aktiviti Konseling dan Motivation Therapy	Qualitative deskriptif	pesakit spiritual dan agama telah meningkatkan kualiti hidup pesakit skizofrenia
13.	Rizky et.al. 2024	Murottal Al-Qur'an Listening Therapy to Control Anxiety in Schizophrenia	Murotal qur'an	Qualitative review	terapi mendengar al-Quran memberi impak positif terhadap keseimbangan yang dialami oleh seseorang yang mengalami skizofrenia
14.	Mansor et.al 2024	Islamic Psychospiritual Approach in Drug Rehabilitation Therapy Based on Inabah Philosophy	Islamic psychospiritual	Qualitative review	bahawa terapi pemulihan dadah berteraskan falsafah Inabah mempunyai nilai psikospiritual Islam dan terbukti memberi impak positif dalam merawat dan memulihkan

				skizofrenia bekas penagih melalui transformasi diri untuk menjadi insan yang utuh nilai rohani dan agama.
15.	Husna, 2024	Sufism as Psychotherapy to Overcoming Relapse in Schizophrenic Patients	Quran, Solat, taubat, terapi ruqyah.	Qualitative review
				Amalan membaca Quran, Solat, taubat, terapi ruqyah didapati telah memberi ketenangan, dan menurunkan psikosis, halusinasi dan juga delusi pesakit.

JENIS RAWATAN PSIKOTERAPI SPIRITUAL ISLAM

Psikoterapi spiritual Islam telah menunjukkan kesan terhadap penagih dadah yang mengalami masalah mental skizofrenia. Dapatan SLR di atas mendapati jenis rawatan psikoterapi spiritual seperti berikut:

Jadual 3: Jenis Rawatan Psikoterapi Spiritual

Bil	Jenis rawatan	Rujukan
1.	Mendengar ayat al-Quran	Ibad et.al. 2024, Haris 2023, Rosyanti et al. 2019, Gani et.al. 2022, Rizky et.al. 2024, Mansor et.al 2024, Husna, 2024, Grover et.al. 2021, Wahyudi et.al 2021
2.	Membaca ayat al-Quran	Ibad et.al. 2024, Haris 2023, Rosyanti et al. 2019, Rizky et.al. 2024, Mansor et.al 2024, Husna, 2024, Grover et.al. 2021, Wahyudi et.al 2021.
3.	Zikir	Irawati et al. 2023, Fahrizal & Reny. 2023, Noviyanty et.al. 2024, Haris 2023, Hafil et.al 2023, Ardinata et.al. 2019, Firdaus et.al. 2021, Mansor et.al 2024, Grover et.al. 2021
4.	Solat	Irawati et al. 2023, Noviyanty et.al. 2024, Haris 2023, Ardinata et.al. 2019, Firdaus et.al. 2021, Mansor et.al 2024, Husna, 2024.
5.	Solat Sunah	Firdaus et.al. 2021, Mansor et.al 2024, Irawati et al. 2023, Husna 2024, Noviyanty et.al. 2024

6.	Mandi taubat	Noviyanty et.al. 2024, Haris 2023, Gani et.al. 2022, Firdaus et.al. 2023, Mansor et.al. 2024.
7.	Terapi konvensional	Noviyanty et.al. 2024, Firdaus et.al. 2023.

Berdasarkan hasil *systematic literature review* (SLR) di atas, terdapat tujuh jenis rawatan yang digunakan sebagai intervensi dalam psikoterapi spiritual bagi pesakit skizofrenia, termasuk mendengar ayat al-Quran, membaca ayat al-Quran, zikir, solat, solat sunah, mandi taubat, dan terapi konvensional. Rawatan ini mencerminkan pendekatan spiritual yang juga menggabungkan psikoterapi spiritual dengan terapi konvensional. Pendekatan mendengarkan ayat al-Quran dipercayai dapat memberikan ketenangan jiwa serta mengurangkan keresahan atau kegelisahan (Gani et.al 2022). Sementara itu, membaca ayat al-Quran berfungsi sebagai usaha untuk pengisian rohani dan peningkatan kekuatan dalaman (Rizky, Oktaviani & Anggraini 2024). Amalan zikir pula merupakan satu bentuk pengingatan kepada Allah SWT melalui ucapan atau doa, yang membantu individu untuk tetap fokus kepada pengingatan terhadap-Nya (Firdaus et.al 2023).

Solat, yang dilaksanakan lima kali sehari, bukan sahaja berfungsi sebagai amalan spiritual tetapi juga sebagai bentuk disiplin fizikal (Noviyanty et.al 2024). Pendekatan solat sunah berperanan dalam mempererat hubungan individu dengan Allah SWT (Hafil et.al 2023). Selain itu, mandi taubat merupakan simbol penyucian diri yang memberikan impak psikologikal yang mendalam (Abu Bakar, Khairiah & Shukri 2023). Pendekatan terapi konvensional, termasuk rawatan spiritual, penggunaan ubat-ubatan, terapi tingkah laku kognitif (CBT), serta kaunseling, penting dalam mengawal pesakit daripada mengalami psikosis (Firdaus et al. 2023).

Kajian-kajian lalu dianalisis bagi melihat pendekatan yang lebih memberi kesan daripada rawatan psikoterapi spiritual terhadap pesakit skizofrenia. Mengikut dapatan SLR di atas jenis rawatan psikoterapi spiritual yang paling banyak memberi kesan ialah zikir, solat dan juga mendengarkan ayat al-Quran. Sebagaimana jadual 3 merupakan ringkasan jenis rawatan yang paling lebih berkesan terhadap masalah skizofrenia.

Jadual 4: Jenis rawatan lebih berkesan untuk masalah skizofrenia

Bil	Jenis rawatan	Jumlah rujukan
1.	Zikir	9
2.	Mendengar ayat Quran	9
3.	Membaca ayat al-Quran	8

Zikir mengikut dapatan SLR kajian terdahulu merupakan salah satu pendekatan psikoterapi spiritual yang lebih memberi kesan terhadap

masalah mental skizofrenia dibandingkan proses rawatan psikoterapi spiritual jenis lain. Hal ini terbukti bahawa terdapat sebanyak 9 kajian lepas daripada 15 yang membincangkan tentang rawatan psikoterapi spiritual Islam dengan cara berzikir (Irawati et al. 2023; Fahrizal, & Reny 2023; Noviyanty 2024; Haris 2022; Hafil et.al. 2023; Ardinata et.al 2019; Firdaus et.al 2023; Mansor et.al 2024; Grover et al. 2021). Zikir dapat memberikan ketenangan terhadap pesakit skizofrenia sehingga mereka mampu mengawal diri ketika berlaku simptom-simptom episod, meningkatkan kekerapan kesedaran pesakit, meningkatkan kualiti tidur, meningkatkan kepatuhan dalam menjalani rawatan konvensional, meningkatkan kualiti hidup sehingga pesakit skizofrenia mampu bersosial dalam masyarakat.

Seterusnya mendengarkan ayat-ayat al-Quran, terdapat 9 kajian terdahulu daripada dapatan SLR yang membincangkan mengenai pendekatan psikoterapi spiritual melalui mendengarkan ayat-ayat al-Quran. Salah satu amalan psikoterapi spiritual yang lebih memberi kesan, dimana kesan yang dinyatakan dalam dapatan ialah dapat mengurangkan halusinasi pendengaran, menurunkan gejala psikosis sehingga meningkatkan kesedaran, meningkatkan kualiti diri pesakit skizofrenia, meningkatkan kesejahteraan mental pesakit dan menguatkan jiwa pesakit (Ibad et al. 2024; Haris 2022; Rosyanti et al. 2019; Gani et al. 2022; Rizky et al. 2024; Mansor et al. 2024; Husna & Saputri 2024, Grover et al. 2021; Wahyudi et al. 2021). Hal ini membantu menurunkan tekanan emosi dan memperbaiki keadaan mental pesakit yang mengalami gangguan psikotik seperti skizofrenia.

Membaca ayat al-Quran dalam dapatan SLR, mendapati sebanyak 8 kajian lepas yang merujuk pada membaca ayat al-Quran. Salah satu amalan psikoterapi spiritual yang dapat mengalihkan perhatian dari pemikiran negatif atau delusi. Ini telah dibuktikan daripada 8 kajian lepas yang telah dianalisis bahawa dengan sentiasa mengamalkan membaca ayat al-Quran dapat menurunkan gangguan halusinasi dengar suara hingga pada tahap *severe*, memberi ketenangan sehingga dapat mengawal emosi, mampu bekerjasama dalam proses pemulihan, meningkatkan kepercayaan diri dan meningkatkan pencerahan pemikiran (Haris 2022; Ibad et al. 2024; Rosyanti et al. 2019; Rizky et al. 2024; Mansor et al. 2024; Husna & Saputri 2024; Grover et al. 2021; Wahyudi et al. 2021).

PERBINCANGAN

Dalam perbincangan mengenai rawatan psikoterapi spiritual Islam bagi pesakit skizofrenia, penekanan diberikan kepada pelbagai pendekatan rawatan yang berasaskan agama dan spiritual. Rawatan ini memberi kesan yang positif kepada pesakit skizofrenia, terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam penagihan dadah dan mengalami masalah mental.

Berdasarkan *Systematic Literature Review* (SLR), didapati bahawa terdapat tujuh jenis rawatan psikoterapi spiritual Islam yang digunakan secara meluas, termasuklah mendengar dan membaca ayat al-Quran, zikir, solat, solat sunat, mandi taubat, dan juga rawatan terapi konvensional.

Psikoterapi spiritual telah membuktikan kesan yang ketara terhadap masalah mental skizofrenia. Salah satunya dengan zikir, zikir yang melibatkan amalan mengingati Allah melalui lafaz-lafaz doa, merupakan pendekatan psikoterapi spiritual yang terbukti paling berkesan dalam rawatan skizofrenia. Berdasarkan dapatan SLR, terdapat sembilan kajian yang menyokong keberkesanan zikir dalam menangani simptom-simptom skizofrenia (Irawati et al. 2023; Fahrizal & Reny 2023; Noviyanty et.al 2024). Amalan zikir terbukti dapat membantu pesakit menenangkan diri ketika mengalami episod simptom skizofrenia. Selain itu, ia juga meningkatkan kesedaran pesakit terhadap keadaan mental mereka, meningkatkan kualiti tidur, serta membantu dalam kepatuhan kepada rawatan konvensional.

Selain zikir, solat dan solat sunat juga berfungsi sebagai terapi berkesan dalam rawatan psikoterapi spiritual. Solat lima waktu memberikan pesakit satu rutin yang disiplin, bukan sahaja dalam aspek spiritual tetapi juga fizikal (Noviyanty et.al 2024). Kajian menunjukkan bahawa solat dapat membantu pesakit skizofrenia dalam mengawal emosi dan memberikan kestabilan mental. Solat sunat, seperti Solat Tahajud dan Solat Hajat, pula berfungsi untuk memperbanyakkan hubungan dengan Allah dan menambah kedalaman rohani, yang dapat memberikan ketenangan jiwa serta kekuatan dalaman (Hafil et al. 2023).

Begitu juga pendekatan mandi taubat mempunyai kesan psikologikal yang kuat terhadap pesakit skizofrenia. Mandi taubat melambangkan penyucian diri dan perubahan yang positif dalam kehidupan pesakit. Menurut kajian (Mansor et al. 2024) tindakan simbolik ini membantu pesakit memulakan proses pemulihan dengan mental yang lebih positif dan bersih. Mandi taubat bukan sahaja memberikan aspek fizikal pembersihan, tetapi juga membina harapan dan motivasi untuk sembuh. Manakala rawatan terapi konvensional, yang melibatkan penggunaan ubat-ubatan dan kaunseling seperti *Cognitive Behavioral Therapy* (CBT), masih penting dalam pengurusan pesakit skizofrenia. Namun, apabila digabungkan dengan psikoterapi spiritual, kesan rawatan menjadi lebih menyeluruh dan berkesan. Kajian (Firdaus et al. 2023) mendapati bahawa pesakit yang menggabungkan rawatan konvensional dengan rawatan spiritual lebih patuh kepada pelan rawatan mereka dan mempunyai kadar pemulihan yang lebih baik.

Manakala psikoterapi spiritual juga memberi kesan terhadap kualiti tidur dan Neurobiologi pesakit. Pesakit mempunyai kualiti tidur yang

rendah, di mana hal ini disebabkan adanya gangguan halusinasi dan juga delusi atau kekeliruan pemikiran. Kajian Hafil et al. (2023) menunjukkan bahawa zikir Asmaul Husna berkesan dalam meningkatkan kualiti tidur pesakit skizofrenia. Kesan ini mungkin disebabkan oleh kesan menenangkan daripada zikir yang mempengaruhi sistem saraf pesakit. Kajian Rosyanti et al. (2019) menambah perspektif dari segi neurobiologi, di mana terapi mendengarkan al-Quran, apabila digabungkan dengan teknik konvensional seperti *Emotional Freedom Technique* (EFT), mampu meningkatkan faktor neurotropik yang berasal dari otak serum, yang penting dalam menurunkan kekerapan psikosis.

Analisis kajian terdahulu mendapati bahawa zikir, mendengar ayat al-Quran, dan membaca ayat al-Quran merupakan jenis rawatan psikoterapi spiritual yang paling banyak memberi kesan positif kepada pesakit skizofrenia. Zikir dan mendengar ayat al-Quran, yang masing-masing disokong oleh sembilan kajian terdahulu, terbukti dapat menenangkan pesakit, mengurangkan halusinasi, dan memperbaiki kualiti hidup mereka. Membaca ayat al-Quran, yang disokong oleh lapan kajian, juga memberikan manfaat yang serupa dalam membantu pesakit menguruskan simptom skizofrenia dengan lebih baik.

IMPLIKASI

Kajian ini menunjukkan kepentingan pendekatan spiritual atau holistik dalam proses rawatan masalah mental skizofrenia. Elemen spiritual yang digabungkan dengan fizikal dan psikologi dan menjadi sebuah rawatan psikoterapi spiritual membuka peluang baharu dalam memahami rawatan gangguan mental khususnya skizofrenia. Hal ini sebagaimana hasil kajian bahawa terdapat keberkesanan psikoterapi spiritual Islam terhadap kesedaran spiritual pesakit. Bermakna psikoterapi spiritual Islam memainkan peranan penting dalam proses pemulihan pesakit. Dengan begitu pengamal perubatan perlu mengambil perhatian untuk penglibatan spiritual Islam dalam rawatan pesakit, di mana ini juga dapat membantu pesakit untuk mengingatkan kewajipan sebagai seorang muslim dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Selain itu kajian ini memberi implikasi juga kepada pengamal terapi untuk fokus kepada pendekatan spiritual Islam. Untuk memudahkan mereka menjalani rawatan konvensional lainnya, sehingga memperoleh hasil kepulihan yang maksimal. Impak daripada kajian ini ialah menyediakan asas bagi kajian lanjutan mengenai keberkesanan psikoterapi spiritual Islam sebagai pendekatan dalam merawat masalah mental skizofrenia khususnya kepada penagih dadah. Dengan begitu kajian ini memberi dimensi baharu yang signifikan dalam merawat masalah mental skizofrenia secara holistik.

PENUTUP

Secara keseluruhan, rawatan psikoterapi spiritual Islam memainkan peranan penting dalam rawatan pesakit skizofrenia, terutamanya dalam kalangan mereka yang mengalami masalah penagihan dadah. Gabungan rawatan spiritual seperti zikir, solat, dan mendengar ayat al-Quran dengan terapi konvensional menunjukkan kesan yang signifikan dalam membantu pesakit mengurangkan simptom skizofrenia, meningkatkan kesejahteraan emosi, dan mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Rawatan-rawatan ini memberikan pendekatan holistik yang merangkumi aspek fizikal, mental, dan rohani, yang diperlukan untuk pemulihan yang berkesan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Tiada

RUJUKAN

- Abu Bakar, A. M., Khairiah, M. Y. & Shukri, A. 2023. Satu Analisis Tematik terhadap Kaedah Rawatan Pemulihan Dadah di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 28: 1–24.
- Alonzo, D., Popescu, M. & Zubaroglu Ioannides, P. 2022. Mental health impact of the Covid-19 pandemic on parents in high-risk, low income communities. *International Journal of Social Psychiatry*, 68(3): 575–581.
- American Psychiatric Association. 2013. *The Principles of Medical Ethics: With Annotations Especially Applicable to Psychiatry*. Ed. 2013. USA: American Psychiatric Association.
- Arango, C., Díaz-Caneja, C. M., McGorry, P. D., Rapoport, J., Sommer, I. E., Vorstman, J. A., McDaid, D. et al. 2018. Preventive strategies for mental health. *The Lancet Psychiatry*, 5(7): 591–604.
- Ardinata, Dwidiyanti, M. & Sari, S. P. 2019. Kepatuhan Minum Obat Pasien Skizofrenia Melalui Terapi Mindfulness Spritual Islam. *Jurnal Ilmu Keperawatan Jiwa*, 2(1): 79–82.

- Ben Farhat, J., Blanchet, K., Juul Bjertrup, P., Veizis, A., Perrin, C., Coulborn, R. M., Mayaud, P. et al. 2018. Syrian refugees in Greece: Experience with violence, mental health status, and access to information during the journey and while in Greece. *BMC Medicine*, 16(1): 1–12.
- Creswell, J. W. 2009. *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (3rd ed.)*. California: Sage Publications, Inc.
- Doran, C. M. & Kinchin, I. 2019. A review of the economic impact of mental illness. *Australian Health Review*, 43(1): 43–48. doi:10.1071/AH16115
- Fahrizal, Y. & Saputri, R. N. 2023. Effect of psycho-religious group therapy on hallucination in schizophrenia patient. *Medisains*, 21(1): 13.
- Firdaus, F. N., Agustina, C. F. & Arifandi, F. 2023. Metode Rehabilitasi Spiritual Hypnosis Motivation Theraphy pada pasien skizofrenia di Ponpes Nurul Firdaus Ciamis. *Junior Medical Journal*, 2(2): 201–212.
- Galderisi, S., Rucci, P., Kirkpatrick, B., Mucci, A., Gibertoni, D., Rocca, P., Rossi, A. et al. 2018. Interplay among psychopathologic variables, personal resources, context-related factors, and real-life functioning in individuals with schizophrenia a network analysis. *JAMA Psychiatry*, 75(4): 396–404.
- Gani, R. K., Sawitri, B. & Syamsuri, M, V. 2022. Cultural-based intervention for psychotic using spiritual therapy in Madura, Indonesia: A case report. *International Journal of Research Publications*, 97(1): 96–100.
- Gates, M. L., Turney, A., Ferguson, E., Walker, V. & Staples-Horne, M. 2017. Associations among substance use, mental health disorders, and self-harm in a prison population: Examining group risk for suicide attempt. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 14(3): 1–16.
- Grasdalsmoen, M., Eriksen, H. R., Lønning, K. J. & Sivertsen, B. 2020. Physical exercise, mental health problems, and suicide attempts in university students. *BMC Psychiatry*, 20(1): 1–11.
- Grover, S., Dua, D., Chakrabarti, S. & Avasthi, A. 2021. Religiosity and Spirituality of patients with severe mental disorders. *Indian Journal of Psychiatry*, 63(2): 162–170.
- Ha, N. T., Huong, N. T., Anh, V. N. & Anh, N. Q. 2022. Modelling in economic evaluation of mental health prevention: current status and quality of studies. *BMC Health Services Research*, 22(1): 1–29.
- Hafil, A. S., Sa’adati, T. I. & Bagus, M. 2023. The Effectiveness of Islamic Psychotherapy with Zikr Asmaul Husna in Improving the Sleep

- Quality of Schizophrenic Clients in UPT Rehabilitasi Sosial Bina Laras Kediri. *Happiness: Journal of Psychology and Islamic Science*, 7(2): 153–162.
- Haris, R. 2022. The Psycho-Spiritual Therapy On Mental Illness; An Islamic Approach. *Prophetic Guidance and Counseling Journal*, 2(2): 34–40.
- Hattori, S., Suda, A., Kishida, I., Miyauchi, M., Shiraishi, Y., Fujibayashi, M., Tsujita, N. et al. 2018. Association between dysfunction of autonomic nervous system activity and mortality in schizophrenia. *Comprehensive Psychiatry*, 86: 119–122.
- Herrman, H., Saxena, S., Moodie, R., & Walker, L. 2005. Introduction: Promoting Mental Health as a Public Health Priority. In, Herrman, H., Saxena, S., & Moodie, R. (ed.), *Promoting Mental Health: Concepts, Emerging Evidence, Practice*. Australia: World Health Organization.
- Husna, M. T. & Saputri, M. 2024. Sufism as Psychotherapy to Overcoming Relapse in Schizophrenic Patients. *Psikoislamika : Jurnal Psikologi dan Psikologi Islam*, 21(1): 42–51.
- Ibad, M. R., Alfianti, F. S., Arfianto, M. A., Ariani, T. A. & Fikri, Z. 2024. The effect of Qur'anic Healing on reducing the frequency of Auditory Hallucination Rating Scale (AHRS) in schizophrenia. *Healthcare in Low-Resource Settings*, 12(1):<https://doi.org/10.4081/hls.2024.11909>
- Irawati, K., Indarwati, F., Haris, F., Lu, J. Y. & Shih, Y. H. 2023. Religious Practices and Spiritual Well-Being of Schizophrenia: Muslim Perspective [Letter]. *Psychology Research and Behavior Management*, 16: 5183–5184.
- Jia, N., Li, Z., Li, X., Jin, M., Liu, Y., Cui, X., Hu, G. et al. 2022. Long-term effects of antipsychotics on mortality in patients with schizophrenia: A systematic review and meta-analysis. *Brazilian Journal of Psychiatry*, 44(6): 664–673.
- Kay, S. R., Opler, L. A. & Lindenmayer, J. P. 1988. Reliability and validity of the positive and negative syndrome scale for schizophrenics. *Psychiatry Research*, 23(1): 99–110.
- Kokanović, R., Brophy, L., McSherry, B., Flore, J., Moeller-Saxone, K. & Herrman, H. 2018. Supported decision-making from the perspectives of mental health service users, family members supporting them and mental health practitioners. *Australian and New Zealand Journal of Psychiatry*, 52(9): 826–833.
- Mansor, A. B. A., Yassin, K. M. & Ahmad, S. 2024. Islamic psychospiritual approach in drug rehabilitation therapy based on inabah philosophy. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences (PJLSS)*, 22(1): 166–182.
- Menne, V. & Chesworth, R. 2020. Schizophrenia and drug addiction

- comorbidity: recent advances in our understanding of behavioural susceptibility and neural mechanisms. *Neuroanatomy and Behaviour*, 2(1): e10.
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D. G., Antes, G., Atkins, D., Barbour, V. et al. 2009. Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: The PRISMA statement. *PLoS Medicine*, 6(7): 1-6.
- Noviyanty, H., Hamjah, S.H., Mohammad, A.d., Ismail. Z. 2024. Spiritual Psychotherapy as an Intervention for Mental Disorders to Reach the Level of Self-Awareness of/amongst Drug Addicts in Selangor, Malaysia. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences (PJLSS)*, 22(1): 4258–4273.
- Nur Aidaa Mohd Ali & Syazwana Aziz. 2019. Faktor-faktor penyebab penyakit skizofrenia: Satu kajian kes. *Jurnal Sains Sosial@ Malaysian Journal of Social Sciences*, 1(4): 68–79.
- O’Beaglaioich, C., McCutcheon, J., Conway, P. F., Hanafin, J. & Morrison, T. G. 2020. Adolescent suicide ideation, depression and self-esteem: relationships to a new measure of gender role conflict. *Frontiers in Psychology*, 11: 111.
- Ortega, A. 2023. Medicaid expansion and mental health treatment: Evidence from the affordable care act. *Health Economics (United Kingdom)*, 32(4): 755–806.
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L. et al. 2021. The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *PLoS Medicine*, 18(3): 1–15.
- Reinert, M, Fritze, D. & Nguyen, T. 2021. “The State of Mental Health in America 2022” Mental Health America, Alexandria VA. Laporan Penyelidikan. [https://mhanational.org/sites/default/files/2022 State of Mental Health in America.pdf](https://mhanational.org/sites/default/files/2022%20State%20of%20Mental%20Health%20in%20America.pdf)
- Rizky, N. W., Oktaviani, D. S. & Anggraini, S. M. 2024. Murottal al-Qur ’ an Listening Therapy to control anxiety in schizophrenia sufferers. *Proceedings of the Conference on Psychology and Behavioral Sciences* 3(1): 639–646.
- Rosyanti, Li., Hadi, I., Tanra, J., Idrus, F., Massi, M. N., Natzir, R. & Bahar, B. 2019. Change of Brief Psychiatric Rating Scale (BPRS) value with Spiritual Qur’anic Emotional Freedom Technique (SQEFT) Therapy on mental disorder patient. *Indian Journal of Public Health Research and Development*, 10(1): 368–405.
- Schaan, V. K., Schulz, A., Schächinger, H. & Vögele, C. 2019. Parental

- divorce is associated with an increased risk to develop mental disorders in women. *Journal of Affective Disorders*, 257: 91–99.
- Siegmann, P., Teismann, T., Fritsch, N., Forkmann, T., Glaesmer, H., Zhang, X. C., Brailovskaia, J. et al. 2018. Resilience to suicide ideation: A cross-cultural test of the buffering hypothesis. *Clinical Psychology and Psychotherapy*, 25(1): e1–e9.
- Stępnicki, P., Kondej, M. & Kaczor, A. A. 2018. Current concepts and treatments of schizophrenia. *Molecules*, 23: 1–29.
- Stilo, S. A. & Murray, R. M. 2019. Non-genetic factors in schizophrenia. *Current Psychiatry Reports*, 21(100): 1–10.
- Strik, W., Stegmayer, K., Walther, S. & Dierks, T. 2018. Systems neuroscience of psychosis: Mapping schizophrenia symptoms onto brain systems. *Neuropsychobiology*, 75(3): 100–116.
- Substance Abuse and Mental Health Services Administration (SAMHSA). 2024. SAMHSA Releases Annual National Survey on Drug Use and Health. Dicapai daripada laman sesawang Substance Abuse and Mental Health Services Administration (SAMHSA) pada 25/12/2024. https://www.samhsa.gov/newsroom/press-announcements/20240730/samhsa-releases-annual-national-survey-drug-use-and-health?utm_source=chatgpt.com
- Substance Abuse and Mental Health Services Administration (SAMHSA): 2020. Treatment for Suicidal Ideation, Self-harm, and Suicide Attempts Among Youth. SAMHSA Publication, <https://store.samhsa.gov/sites/default/files/pep20-06-01-002.pdf>
- Suryani, S. 2015. A Critical Review of Symptom Management of Auditory Hallucinations in Patient with Schizophrenia. *Jurnal Keperawatan Padjadjaran*, 3(3): 150–157.
- Teismann, T., Forkmann, T., Brailovskaia, J., Siegmann, P., Glaesmer, H. & Margraf, J. 2018. La salud mental positiva modera la asociación entre depresión y ideación suicida: un estudio longitudinal. *International Journal of Clinical and Health Psychology*, 18(1): 1–7.
- Van Nieuw Amerongen-Meeuse, J. C., Schaap-Jonker, H., Anbeek, C. & Braam, A. W. 2020. Religious/spiritual care needs and treatment alliance among clinical mental health patients. *Journal of Psychiatric and Mental Health Nursing*, 28(3): 370–383.
- Wahab, S., Zakaria, M. N., Sidek, D., Abdul Rahman, A. H., Shah, S. A. & Abdul Wahab, N. A. 2015. Evaluation of auditory hallucinations in patients with schizophrenia: A validation study of the Malay version of Psychotic Symptom Rating Scales (PSYRATS). *Psychiatry Research*, 228(3): 462–467.

- Wahyudi, A. W., Ah Yusuf & Mundakir. 2021. The effectiveness of spiritual psychotherapy on patients with mental disorders: A systematic review. *Poltekita : Jurnal Ilmu Kesehatan*, 15(1): 1–8.
- Walker, Z. J., Xue, S., Jones, M. P. & Ravindran, A. V. 2021. Depression, anxiety, and other mental disorders in patients with cancer in low- and lower-middle-income countries: A systematic review and meta-analysis. *JCO Global Oncology*, 7: 1233–1250.
- World Health Organization WHO. 2019. Mental Health and COVID-19: World Suicide Prevention Day 2019 - 40 seconds of action. Dicapai daripada laman sesawang World Health Organization (WHO) pada 25/12/2024. <https://www.who.int/news-room/events/detail/2019/09/10/default-calendar/world-suicide-prevention-day>
- World Health Organization WHO. 2022. Mental Health and COVID-19: Early evidence of the pandemic's impact. Dicapai daripada laman sesawang World Health Organization (WHO) pada 25/12/2024. https://www.who.int/publications/i/item/WHO-2019-nCoV-Sci_Brief-Mental_health-2022.1?utm_source=chatgpt.com

SENARAI PENGARANG

Hieda Noviyanty (Penulis Penghubung)
Calon Phd
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
E-mel: p108582@siswa.ukm.edu.my

Dr. Abu Dardaa Mohamad
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
E-mel: dardaa@ukm.edu.my

Prof. Dr. Salasiah Hanin Hamjah,
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
E-mel: salhanin@ukm.edu.my

Dr. Zainab Ismail
No 12, Jalan 4/4 Bandar Baru Bangi
43600 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
E-mel: zainab.ukm@gmail.com